

16 MAR 2000

DR MAHATHIR TEMUI PEMIMPIN BN SABAH

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini mengadakan pertemuan secara berasingan dengan ketua-ketua parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah dipercayai berhubung isu sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah.

Ia berlangsung sebelum Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua Bahagian Umno Sabah.

Tempoh dua tahun perkhidmatan Datuk Osu Sukam sebagai ketua menteri berakhir semalam.

Sistem itu yang diperkenalkan pada 1994 membolehkan wakil tiga kaum utama di Sabah iaitu Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina bergilir-gilir menjadi ketua menteri untuk tempoh dua tahun.

Sesetengah pihak di negeri itu mahukan sistem penggiliran itu dikekalkan dan ada pula mahu ia dimansuhkan.

-- BERNAMA  
MAM AZZ MAI